



KERTAS MODEL UPSR SET 3

MARKAH		
Pemahaman	Penulisan	JUMLAH
50	50	100

PEMAHAMAN

Satu jam lima belas minit

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 hingga 9

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- “Anuar, _____ hendak pergi ke sekolah kerana ada latihan tekwando,” kata Ali dan Tan.
A mereka C dia
B kami D kamu
- Faizal _____ menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
A telah C sudah
B pernah D hendak
- Program ceramah itu mendapat sokongan _____ daripada seluruh warga sekolah.
A gagah C padu
B teguh D kukuh
- “Segala titah _____ akan _____ dilaksanakan,” kata Hang Tuah kepada sultan.
A tuanku ... patik
B beta ... hamba
C tuanku ... hamba
D baginda ... patik
- Baginda _____ melawat Kem Tahanan Kamunting bersama-sama dengan rombongannya.
A merafak sembah
B menjunjung titah
C mencemar duli
D menerima menghadap

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- Budak lelaki itu sedang asyik bermain _____ sabun yang berwarna-warni.
A bebuli
B gegasing
C bebola
D bebuih
- Misbun Sidek merupakan ketua _____ skuad badminton kebangsaan.
A juruteknik
B jurucakap
C jurulatih
D jurutera
- Puan Aziah _____ nasi beriani kepada tetamunya sempena majlis cukur jambul cucunya.
A dihidangi C menghidangkan
B hidangan D menghidangi

Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

9 Puan Halimah _____ melihat kain sutera di kedai itu.

- A putih mata
- B rambang mata
- C cuci mata
- D tanda mata

10 Cikgu Aman menjelaskan cara-cara menjawab soalan peperiksaan dengan betul kepada pelajar-pelajarnya.

Pilih perkataan **sinonim** bagi menjelaskan.

- I menerangkan
- II menghuraikan
- III mencadangkan
- IV mengadakan

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

11 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I Saya selalu diingatkan agar menjadi lelaki yang matang dan masak.
- II Kakak tidak pergi melancong kerana kandungannya sudah cukup masak.
- III Buah durian yang sudah cukup masak akan gugur dengan sendiri.
- IV Anak-anaknya sudah masak dengan perangai ayahnya yang pemalas.

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

Pilih **ayat tanya** yang betul bagi jawapan yang diberikan.

12 Saya pernah dianugerahkan sebagai penyanyi lelaki terbaik.

- A Siapakah yang menganugerahkan anugerah seni suara ini kepada Datuk?
- B Di manakah Datuk menerima anugerah seni suara ini?
- C Apakah anugerah yang pernah Datuk terima dalam bidang seni suara ini?
- D Mengapakah anugerah seni suara ini diberikan kepada Datuk?

13 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

Mengapakah kanak-kanak tidak dibenarkan mandi di sungai itu?

- A Sebuah kilang didirikan di tepi sungai itu.
- B Arus sungai itu sangat deras.
- C Sungai itu sangat cetek dan berpasir.
- D Tidak ramai orang mandi-manda di situ.

14 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Sejak akhir-akhir ini masalah ponteng sekolah semakin menjadi-jadi.

- A Masalah ponteng sekolah semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini.
- B Pelajar sering memperkatakan masalah ponteng sekolah sejak akhir-akhir ini.
- C Masalah ponteng sekolah dan pelajar adalah perkara yang semakin menjadi-jadi.
- D Masalah dan ponteng sekolah semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini.

Soalan 15

Pilih ayat yang betul.

- 15 I Kain songket itu sungguh cantik dibuat daripada benang sutera
- II Petani itu turun ke bendang dengan sebatang cangkul dan sebilah parang.
- III Para pelajar yang berjaya akan diraikan dalam suatu majlis khas.
- IV Pak Halim memberitahu polis dia kenal orang itu.

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Malaysia terkenal di mata dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum. Antara kaum-kaum yang terdapat di Malaysia ialah kaum Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut dan lain-lain.

Penduduk Malaysia bebas bergaul antara satu sama lain. Ini dapat dibuktikan apabila tiba musim perayaan bagi sesuatu kaum, kaum yang lain akan turut sama meraikannya. Hubungan mereka *bagai aur dengan tebing*. Sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir, kemarau atau sebagainya, setiap kaum akan berkerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira taraf hidup, agama dan bangsa.

Penduduk Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perantaraan. Dalam setiap urusan, mereka menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung. Di samping itu, setiap kaum masih boleh menggunakan *bahasa ibunda* mereka.

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Walaupun agama Islam adalah agama rasmi, namun rakyat bebas menganut agama masing-masing. Mereka juga bebas mengamalkan kebudayaan masing-masing.

Semangat persaudaraan terjalin erat dalam kalangan penduduk Malaysia. Hal ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan membangun.

- 16 Apakah yang menyebabkan Malaysia terkenal di mata dunia?
- A Sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum.
 - B Sebuah negara yang mempunyai pelbagai perayaan.
 - C Sebuah negara yang menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung.
 - D Sebuah negara yang sering mengalami bencana alam.
- 17 Rangkai kata *bagai aur dengan tebing* dalam petikan maksud
- A hubungan yang tidak pernah dipisahkan.
 - B persahabatan yang amat erat.
 - C membuat sesuatu pekerjaan itu biarlah hingga selesai.
 - D hidup bekerjasama dan bermuafakat
- 18 Apakah bahasa rasmi yang digunakan oleh penduduk Malaysia?
- A Bahasa Mandarin
 - B Bahasa Tamil
 - C Bahasa Melayu
 - D Bahasa Inggeris
- 19 Rangkai kata *bahasa ibunda* dalam petikan bermaksud
- A bahasa kedua yang diketahui atau dapat digunakan oleh seseorang.
 - B bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kaum.
 - C bahasa yang tidak betul struktur dan tatabahasanya.
 - D bahasa yang bercampur aduk dengan pengaruh bahasa asing.
- 20 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Penduduk Malaysia hanya boleh menganut agama Islam.
 - B Penduduk Malaysia bebas mengamalkan kebudayaan masing-masing.
 - C Negara Malaysia hanya terdapat kaum Melayu, Cina dan India.
 - D Agama Islam bukan agama rasmi penduduk Malaysia.

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) *Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.*

- (i) Rahimi berazam dari memasarkan perniagaan kraf tangan ibunya ke peringkat antarabangsa.

- (ii) Encik Saad makan nasi lemak sambil minum air kopi pada Warung Haji Alim berdekatan masjid itu.

- (iii) Bengkel Bahasa Melayu itu telah dihadiri oleh para peserta di Semenanjung.

[3 markah]

(b) *Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.*

- (i) Pak Rusli menebas lalang itu dengan se_____ sabit yang tajam.

batang	
--------	--

bentuk	
--------	--

bilah	
-------	--

- (ii) Emak membeli se_____ cili kering dan beberapa _____ petai di pasar tadi.

bungkus papan	
------------------	--

biji berkas	
----------------	--

kepal ikat	
---------------	--

[2 markah]

(c) *Tulis jawapan yang lengkap bagi soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang lengkap.*

Raja Azlan : Khabarkan kepada paduka ayahanda dan bonda, beta akan berangkat ke istana sesudah senja.

Bendahara : _____

[2 markah]

(d) *Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi peribahasa.*

(i) Bagai menarik _____

(ii) Seperti katak _____

[2 markah]

Soalan 22

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (X) pada ayat yang salah.

(i)	Azmilah pemain yang terhandal.	
(ii)	Aida mengambilkan sepinggan nasi goreng untuk Mansur.	
(iii)	Pandai-pandailah menjaga diri bila berada di negeri orang.	
(iv)	Saya mendapat pengetahuan yang banyak dari buku yang saya baca.	
(v)	Kami ternampak akan Pak Cik Mat di perhentian bas Terminal Bersepadu Selatan.	

[5 markah]

Soalan 23

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

pada	dari	akan	demi
hendak	mana	hingga	bagi

(i) Kempen kebersihan itu bermula hari ini dan akan berterusan _____ akhir tahun.

(ii) Barang ini _____lah dihantar ke destinasiya sebelum pukul tiga petang ini.


(iii) Mak Cik Leha membungkus nasi lemak itu _____ daun pisang.

(iv) “Berusahalah dengan gigih _____ masa depan kamu,” pesan Cikgu Aini.

[4 markah]

Soalan 24

Teliti carta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



(a) Apakah **dua** proses yang perlu dilakukan sebelum asam keping dipasarkan?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Mengapakah asam keping perlu melalui proses pemeriksaan kualiti?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan pengusaha asam keping untuk memajukan perusahaan mereka?

Tulis jawapan kamu menggunakan ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 25

Teliti gambar di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

AKTIVITI GOTONG-ROYONG KAWASAN PERUMAHAN TAMAN SENTOSA



(a) Berdasarkan gambar, nyatakan **dua** aktiviti yang sedang dilakukan oleh penduduk perumahan Taman Sentosa.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Nyatakan **satu** peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar di atas.

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT


[10 markah]

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sambutan hari kantin sekolah.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.




1

2

3

4

5



Bahagian B
[15 markah]
[Masa dicadangkan : 25 minit]

Gambar di bawah menunjukkan maklumat tentang pesta buah-buahan tempatan.

Tulis ulasan tentang poster **buah-buahan tempatan** tersebut dalam bentuk perenggan.


Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

PESTA BUAH-BUAHAN TEMPATAN

TARIKH: 16–27 OGOS 2021


MASA: 8.00 PAGI HINGGA 10.00 MALAM

TEMPAT: LAMAN TIBA 1, MAEPS, SERDANG




**CABUTAN
BERTUAH**

**PERSEMBAHAN
ARTIS
JEMPUTAN**



Masuk adalah percuma. Jom makan buah-buahan tempatan!



Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.*

*Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan.***

Soalan 1

“Sejak hari itu, aku sering membantu ibu membuat kerja-kerja rumah. Aku tidak akan malas lagi.”

Tulis karangan yang berakhir dengan ayat di atas.

ATAU

Soalan 2

Tulis sebuah karangan tentang tanggungjawab sebagai seorang murid.

No. Soalan	
------------	--

[illegible]

A right triangle is shown with a hypotenuse of length 25. The triangle is oriented with its right angle at the top-left vertex. The hypotenuse connects the bottom-left and top-right vertices.